

**Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR**  
**Tempat : KUALA TERENGGANU**  
**Tarikh : 11 OKTOBER 2004**  
**Tajuk : UCAPAN DI MAJLIS ANUGERAH KEWARTAWANAN KAWAT-  
EXXONMOBIL 2004**

Bimillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya, dapat kita bersama pada majlis 'Anugerah Kawat-ExxonMobil 2004' pada hari ini.

Terima kasih saya ucapkan kepada Kelab Wartawan Terengganu (KAWAT) yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan 'Malam Anugerah Kawat' ini.

Sesungguhnya peranan wartawan dan media massa dalam arus pembangunan negara adalah amat penting dan seiring dengan matlamat kerajaan memastikan setiap dasar yang dilaksanakan, diketahui oleh rakyat. Selain itu, wartawan juga berperanan untuk menyampaikan maklumat-maklumat terkini selaras dengan hasrat kerajaan untuk membentuk masyarakat yang berpengetahuan atau "knowledge society".

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Saya difahamkan bahawa Anugerah Kawat ini merupakan acara tahunan kelab yang bertujuan untuk memberi penghargaan kepada para wartawan di negeri ini yang banyak menyumbang idea dan pemikiran mereka dalam bentuk penulisan terhadap pembangunan negeri dan juga negara.

Anugerah ini juga adalah diaharap akan memberi motivasi kepada para wartawan untuk memberikan impak yang lebih baik kepada pembangunan di Terengganu khususnya dan Malaysia amnya. Laporan-laporan yang bersifat membina akan membantu kerajaan agar senantiasa dapat menjalankan tanggungjawab membangunkan negara dengan lebih berkesan dan baik kepada masyarakat.

Untuk itu, usaha yang dilakukan oleh kelab ini memang seharusnya disokong dan perlu dicontohi oleh kelab-kelab wartawan di negeri lain sebagai satu inisiatif untuk memberi penghargaan kepada para wartawan dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Dalam pada itu, saya juga berharap agar setiap wartawan mempunyai daya usaha yang tinggi untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka dalam semua bidang, terutamanya dalam mengharungi dunia globalisasi dan ledakan maklumat yang semakin besar dan hebat cabarannya sekarang.

Ini kerana seorang wartawan yang mempunyai pengetahuan yang pelbagai dan terkini, pasti dapat memberikan kefahaman dan penulisan yang lebih mendalam dan terperinci terhadap sesuatu isu dan seterusnya menghasilkan hasil kerja yang bermutu kepada pembaca sekalian.

Jika penulisannya agak longgar dan kurang mempunyai fakta dipersembahkan, pastinya laporan tersebut tidak dapat 'mendalami' apa jua permasalahan yang mungkin ditimbulkan. Sementalah lagi, untuk memberi kefahaman kepada para pembaca. Lantaran itu, ia bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan sesuatu masalah dengan baik malah mungkin membuka masalah baru dalam usaha menangani seusatu isu.

Untuk itu, para wartawan diharap terus peka terhadap isu-isu semasa dan sensitiviti masyarakat setempat dalam membuat laporan dan seterusnya memastikan laporan itu senantiasa bersandarkan sumber-sumber yang mempunyai kredibiliti.

Ini adalah penting bagi mengelakkan sebarang isu yang dibangkitkan itu bersifat tohmahan melulu yang mana hasilnya nanti ada individu yang menjadi mangsa sedangkan isu yang dibangkitkan itu tidaklah berapa pasti kebenarannya.

Saya juga berharap agar para wartawan dapat memahami etika penulisan yang baik kerana seorang wartawan yang cemerlang ialah mereka yang mempunyai etika kewartawanan tinggi dan bukannya menjadi wartawan murahan yang sekadar mementingkan keuntungan tanpa memikirkan akibat yang akan timbul kepada kestabilan, kemananan dan kemajuan negara.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Dalam negara yang menuju ke arah pembentukan negara maju dan berusaha menjadi antara pesaing di peringkat global, wartawan Malaysia khususnya dapat memberikan laporan yang bersifat keMalaysiaan, iaitu laporan dari perspektif rakyat negara ini yang merangkumi norma-norma budaya timur yang tinggi.

Wartawan kita tidak perlu terikut-ikut dengan cara laporan wartawan barat yang mempunyai agenda tertentu mengikut kefahaman dan dokongan seseorang individu yang berkepentingan dan bersifat peribadi. Malah, kita harus prihatin akan agenda-agenda tersirat mereka ini yang boleh membahayakan kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Wartawan negara ini perlu memastikan setiap laporan yang dilakukan itu adalah mengikut pandangan kita sebagai rakyat negara ini dan seharusnya berusaha untuk memastikan perpaduan kaum yang ada, terus dipelihara tanpa sebarang unsur-unsur penulisan yang boleh menyebabkan perpecahan atau rasa tidak puas hati antara kaum.

Untuk itu, teguran yang dilakukan hendaklah kritis dan tidak tanpa usul periksa manakala pujian yang diberikan hendaklah benar-benar ikhlas dan bukannya berkepentingan semata-mata.

Bagaimanapun, saya berpuashati dengan peranan yang dimainkan oleh para wartawan selama ini dalam membantu negara untuk mencapai matlamat menjadi sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Malah pengorbanan para wartawan di negara ini sentiasa diingati oleh pihak kerajaan termasuk memberikan bantuan kepada wartawan yang sakit dan juga memberikan anugerah di peringkat negeri dan sebagainya.

Adalah menjadi harapan saya agar wartawan di negara ini akan terus memberikan laporan yang adil dan saksama serta memastikan agar kualiti kerja mereka adalah yang terbaik.

Tidak hairanlah suatu hari nanti jika wartawan Malaysia boleh menerima anugerah tertinggi di peringkat antarabangsa. Oleh itu, persiapan dari sekarang adalah perlu untuk menghasilkan wartawan yang benar-benar berkualiti dan setanding dengan wartawan-wartawan peringkat dunia.

Saya berharap, melalui pelbagai anugerah di peringkat negeri dan kebangsaan yang diadakan saban tahun, akan dapat melahirkan lebih ramai wartawan yang berkualiti, berdaya tahan dan mampu menghadapi pelbagai cabaran untuk memastikan mereka menjadi terus gigih dan kuat, serta menjadi kebanggaan negara pada masa akan datang.

Untuk itu, tahniah diucapkan kepada para wartawan yang telah berjaya menerima anugerah ini dan teruskan berusaha kepada yang kurang berjaya.

Sesungguhnya kegagalan sekarang tidak bermakna kita gagal selama-lamanya sebaliknya ianya harus dijadikan rangsangan untuk terus menerokai dunia wartawan yang penuh mencabar ini.

Akhir kata, suka saya menyarankan kepada para wartawan betapa perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu termasuk ilmu-ilmu terkini untuk memastikan mereka sentiasa menjadi 'versatile reporter' dan mampu melaporkan apa jua berita dengan gaya penulisan yang cemerlang.

Dengan kata-kata itu dan kalimah Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan majlis 'Anugerah Kawat-ExxonMobil 2004' ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Wth Wbt.